

U 8622 DEB

MAHATHIR-ARMADA 1984

LUMUT, 20 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENINGGATKAN ANGGOTA TENTERA BAHAWA KESELAMATAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN MEREKA DAN MEREKA PERLU MENJALANKAN TUGAS DENGAN BERANI DAN POSITIF TANPA MENGHARAPKAN PERTOLONGAN ORANG LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA PASUKAN TENTERALAH YANG AKAN MENENTUKAN NASIB DAN MASA DEPAN NEGARA DAN DALAM MENJAGA PERTAHANAN, MEREKA JANGANLAH TERLALU BERHARAP KEPADA PIHAK YANG LAIN APABILA MENGHADAPI SEBARANG KEMUNGKINAN.

+WALAUPUNKITA MEMPUNYAI RAKAN UNTUK MEMBERI PERTOLONGAN SEKIRANYA BERLAKU PERKARA YANG TIDAK DIINGINI, TETAPI KITA MESTI INGAT BAHAWA AKHIRNYA PERTAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA KITA TERLETAK DITANGANKITA SENDIRI.

+PERTOLONGAN YANG MEREKA AKAN BERI, WALAU JUJUR SEKALIPUN, S TENTU TERHAD. KITALAH YANG AKAN MENENTUKAN NASIB DAN MASA DEPAN NEGARA KITA, + TEGASNYA SEM 494 MERASMIKAN MARKAS PANGlima DAN SI KOMUNIKASI TLDM SEMPENA LAWATANNYA KE PANGKALAN TENTERA LAUT DI MALAYSIA DI SINI. RAJA

MARKAS ITU MERUPAKAN MARKAS OPERA 81 TLDM YANG TERBESAR YANG BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEGALA OPERASI KAPAL TLDM.

SISTEM KOMUNIKASI ITU PULA ADALAH SISTEM KOMUNIKASI TERMODEN DI RANTAU INI YANG MAMPU BERHUBUNG TERUS DENGAN UNIT UNIT TLDM DI SEBERANG LAUT SEJAUH KIRA-KIRA 2,000 HINGGA 3,000 UNIT TLDM DI MENGGUNAKAN SISTEM KOMPUTER. -- LAGI NAUTIKAL DENGAN

1407MST 20 11 A L

UB 631 DEE

MAHATHIR-ARMADA 2 LUMUT

OLEH DEMIKIAN, DR. MAHATHIR MEMINTA ANGKATAN TENTERA BUPAYA SENTIASA BERWASPADA MEMANDANGKAN PERGOLAKAN-PERGOLAKAN YANG BERLAKU DI RANTAU INI SUNGGUHPUN NEGARA AMAN DAN SEJAHTERA.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT KEMODENAN PERALATAN SESUATU ANGKATAN TENTERA TIDAK SEMESTINYA MENJAMIN KEJAYAAN TETAPI APA YANG DIPERLUKAN IALAH ANGGOTA-ANGGOTA YANG BERDISIPLIN, BERMOTIVASI, DEDIKASI DAN EFISIEN.

+INI ADALAH KERANA PARA ANGGOTA TENTERALAH YANG AKAN MENGERAKKAN PERALATAN ITU, MEREKALAH YANG AKAN MENENTUKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI DAPAT DIGUNAKAN SEPENUHNYA DAN MEREKA JUGALAH AKHIRNYA AKAN DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN DAN KEMENANGAN. +

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA DISIPLIN, KEMAHIRAN, MOTIVASI DAN KECEKAPAN ANGGOTA TENTERA TIDAK BOLEH DIABAIKAN DAN MEREKA JUGA MESTI SENTIASA BERSIKAP POSITIF DAN BERANI DALAM MENJALANKAN TUGAS BEHARIAN.

SAMBAL MENYIFATKAN DISIPLIN SEBAGAI TULANG BELAKANG ANGKATAN TENTERA, DR. MAHATHIR BERKATA TANPA DISIPLIN YANG TINGGI, TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIDAK AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA. -- LAGI

1629MST 20 11 84

U 8641 DEB

MAHATHIR-ARMADA 3 LUMUT

SUNGGUHPUN DR. MAHATHIR BERBANGGA DENGAN DISIPLIN YANG TINGGI DI KALANGAN ANGGOTA TENTERA, TETAPI BELIAU BERHARAP USAHA UNTUK MENINGKATKAN LAGS MUTU DISIPLIN AKAN DITERUSKAN SEPANJANG MASA.

MENGENAI PERKEMBANGAN TLDM, PERDANA MENTERI SUKACITA IA TELAH MAJU KE HADAPAN DENGAN KELENGKAPAN YANG MODEN DAN SOFISTIKATED SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN DAN PERMODENAN TLDM KESELURUHANNYA.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN, TAN SRI YUSUF ABDUL RAHMAN DALAM TAKLIMATNYA KEPADA PERDANA MENTERI BERKATA BEBERAPA PROJEK YANG DICADANGKAN DI PANGKALAN ITU TERPAKSA DITANGGUHKAN PELANCARANNYA AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI NEGARA.

PROJEK TLDM MERUPAKAN PROJEK PEMBANGUNAN TERBESAR YANG DIURUSKAN OLEH KEMENTERIAN DENGAN PERUNTUKAN SEBANYAK \$1.2 RIBU JUTA IAITU \$600 JUTA UNTUK PENGKALAN DAN \$600 JUTA UNTUK LIMBUNGAN.

BELIAU YAKIN DENGAN KAWALAN YANG RAPI DAN BERKESIN, PERBELANJAAN MUKTAMAD KE ATAS PROJEK ITU, APABILA SIAP SEPENUHNYA KELAK, DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA ANGGARAN \$1.2 RIBU JUTA IAITU. --- BERNAMA

4 457MST 20 44 84